

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : ISNIN, 8 JUN 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan impak projek Sungai Pulai Wellness Resort ke atas tapak tanah lembap (RAMSAR) sekitar Sungai Pulai. Adakah Penilaian Impak Persekitaran Terperinci (DEIA) bagi projek tersebut telah dibentangkan, bila dan kepada siapa, dan apakah mitigasi ke atas potensi kerosakannya ke atas Sungai Pulai.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JAS Johor) telah menerima permohonan Penilaian Awal tapak (PAT) dari pemaju projek Dimensi Panorama Sdn Bhd. Berdasarkan kepada kedudukannya yang terletak bersebelahan dan bersempadanan dengan tapak RAMSAR, JAS Johor telah mengemukakan ulasan bertarikh 5 November 2014 bagi keperluan untuk menjalankan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan keperluan untuk penyediaan zon penampungan pada jarak 500 meter dari sempadan tapak RAMSAR.

Setakat ini Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih belum menerima Laporan EIA bagi cadangan projek Sungai Pulai Wellness Resort. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) juga telah mensyaratkan 50 meter zon penampungan (*buffer zone*) bagi Sungai Pulai sebagai langkah mitigasi ke atas potensi kerosakan sungai tersebut.

Sekian, terima kasih.